

SUKAN NEGERI

UMP rai atlet, lancar logo

KUANTAN - Atlet petanque Universiti Malaysia Pahang (UMP), Syahir Syahmi Hassan dinobatkan olahragawan terbaik manakala olahragawati diraih atlet bola jaring, Nik Afieza Che Azhar pada Majlis Penghargaan Sukan dan Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan UMP.

Syahir menunjukkan kecemerlangan apabila mengharumkan nama universiti dengan meraih pingat emas dalam Kejohanan Grand Final IPT 2015 dan Kejohanan Petanque Triple (Lelaki) terbuka Antarabangsa serta pi-

ngat perak dalam Kejohanan Sukan Masum.

Sementara itu, Nik Afieza merangkul johan ketika menyertai Liga Bola Jaring Pekan dan Grand Final Sirkuit Bola Jaring IPT serta naib Johan di Liga Bola Jaring IPT 2015.

Dalam pada itu, olahragawan harapan disandang atlet bola keranjang, Wiliam Soon Siik dan olahragawati harapan milik atlet memamah, Nurul Hani Shafiza Hassan.

Pasukan bola keranjang dinobatkan sebagai pasukan terbaik manakala jurulatih terbaik diraih pasukan tekwando.

Nurfazilah Amin Nordin menerima pengiktirafan penyelar terbaik.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Exco Belia dan Sukan Pahang, Datuk Mohd Johari Hussain.

Hadir sama, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Majlis Sukan Negeri, Mohamed Rashdan Mohamed Razali.

Pada majlis sama, turut berlangsung pelancaran logo Elgineers yang bakal melonjakkan semangat atlet untuk bersaing pada kejohanan sukan akan datang.



Atlet UMP diraikan di Dewan Astaka UMP Gambang.